



Kebakaran hutan kira-kira 16 hektar berhampiran Taman Tema Legoland di Iskandar Puteri akibat cuaca panas.

16 hektar hutan terbakar

BH 25/08/2019 ms 14

Iskandar Puteri: Kira-kira 16 hektar kawasan hutan berbukit berhampiran sebuah taman tema dan hotel mewah, di sini, terbakar berikutan cuaca panas serta kering, kira-kira jam 3 petang kelmarin.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Larkin, Pegawai Bomba Kanan II Ahmad Nazran Omar, berkata operasi memadam dan mengawal keba-

karan itu berakhir jam 3.15 pagi semalam.

“Operasi hampir 10 jam itu membabitkan 15 pegawai dan anggota daripada BBP Larkin bersama dua jentera yang dikearah ke lokasi kebakaran selepas panggilan kecemasan diterima pada jam 4.25 petang.

“Kami turut dibantu Pasukan Bertindak Kecemasan (ERT) daripada Taman Tema Legoland

dan kawasan Medini untuk mengawal kebakaran terbabit,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, pasukan bomba turut melakukan teknik *firebreak*, iaitu membuat persempadanan antara kawasan terbakar dengan yang tidak terbakar.

“Antara lain dengan menggali lubang, memotong pokok dan

membuat dinding bagi memastikan kebakaran tidak merebak ke kawasan Taman Tema Legoland serta hotel mewah di situ.

“Alhamdulillah, kebakaran berjaya dipadamkan dan dikawal pada jam 3.15 pagi tadi, namun pemantauan diteruskan,” katanya.

Ahmad Nazran berkata, punca dan anggaran kerugian kebakaran itu masih dalam siasatan.